

Peniaga dari rumah dan yang ingin berniaga digalak memanfaatkan program

5 Nov 2014

Berita Harian

MEREKA yang ingin berniaga atau peniaga berpangkalan di rumah yang memerlukan bantuan meningkatkan diri harus memanfaatkan Program Perniagaan Mikro yang dikendalikan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Ini memandangkan ramai daripada golongan itu dalam masyarakat Melayu kurang pengetahuan perniagaan yang tepat, menurut Penolong Pengurus Divisyen Kebajikan Pelajar dan Khidmat Sosial Perniagaan Mikro AMP, Cik Fauziah Rahman.

Program itu, yang diasaskan pada 2005 untuk memupuk semangat keusahawanan dan melengkapkan peserta dengan kemahiran berniaga, menampakkan kemajuan dengan kadar penyertaan mantap iaitu 30 hingga 40 peserta setahun sejak beberapa tahun lalu.

"Ramai anggota masyarakat yang mengambil bahagian dalam program ini sebenarnya tidak mempunyai banyak masalah dari segi kemahiran - sama ada dalam memasak, menjahit ataupun menghasilkan sesuatu produk.

"Tetapi ramai tidak mempunyai pengetahuan perniagaan yang baik dan mencukupi untuk mengendalikan perniagaan dengan berkesan. Ini menjadi keprihatinan kami," kata Cik Fauziah.

Justeru, beliau berharap mereka yang memerlukan bantuan atau ingin mempertingkatkan diri dalam perniagaan akan memanfaatkan program enam bulan itu.

"Kami bekerjasama dengan Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS), yang menyediakan platform sangat baik untuk mereka menimba ilmu dan mendapat nasihat daripada pakar dalam hal ini.

"Bagi pihak AMP, selain memberikan bimbingan moral dan dorongan, kami akan berusaha menjadi pengantara dan menyalurkan mereka ke kursus kemahiran yang relevan untuk mereka."

Antara lain, peserta akan menjalani bengkel latihan kemahiran, latihan teknologi maklumat dan sesi penilaian.

Sejak penubuhan program itu, sekitar \$410,000 telah diperuntukkan bagi membantu 423 peserta.